

21/07/2005

Umno-Usul

ISU AP, PROTON DAN MINTA MAAF GAMATKAN DEWAN MERDEKA

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Isu permit import (AP), Proton dan persoalan minta maaf menjadi topik utama perwakilan yang membentangkan usul ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung Umno di sini sehingga menggamatkan suasana.

Timbalan Ketua Umno Bahagian Jasin Datuk Mohd Said Yusof yang juga Anggota Parlimen Jasin menyentuh isu-isu terbabit secara berseloroh tetapi tegas sehingga para perwakilan Perhimpunan Agung ke-56 itu termasuk Anggota Majlis Tertinggi (MT) tidak kering gusi mendengar ucapannya.

Said semasa membentangkan ucapannya yang menyentuh soal pemberian AP, mahukan kerajaan lebih serius serta teliti dalam isu pengeluaran AP itu selain mahu jawatan Menteri Senior diwujudkan untuk memantaunya.

Beliau juga mencadangkan pemberian AP diamanahkan kepada Setiausaha Agung Umno yang seterusnya mengagih-agihkannya di peringkat bahagian.

"Kalau satu bahagian dapat 40 AP, ada 191 bahagian semuanya, ini bermakna tak habis pun 8,000 AP...itu kalau satu bahagian dapat 40 AP. Dengan ini tak adalah Umno susah-susah cari duit untuk buat program," katanya.

Said turut mengamatkan dewan semasa mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang disifatkannya telah menyelesaikan isu AP antara bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz baru-baru ini.

"Saya nak ucapkan tahniah kepada Presiden (Abdullah) kita yang dapat selesaikan dengan bijaksana..., nak ikutkan hati marah, marah juga... marah sebab pasal apa? Nama saya tak ada dalam list!," katanya yang juga mendapat gelaran Said kas-kas oleh Anggota Parlimen kerana membangkitkan isu kas-kas di Parlimen.

Beliau berkata "nama Syed dah ada dah... tapi saya Said, Syed yang lain ... ini yang nak marah ini, memang betul kalau kita nak Melayu Unggul tapi kena tenguk Melayu yang macam mana," katanya.

Timbalan Ketua Umno Bahagian Jasin itu turut mempersoalkan sama ada mereka yang mendapat AP atau Raja AP, memberi bantuan kembali kepada Umno.

Selain itu beliau juga menyebut nama Rafidah "Kak Dah".

"Yang dapat itu... dia bantu tak Umno? bantu Umno... itu yang kita mahu, kalau boleh AP yang akan datang ni Kak Dah (Rafidah) oi!.. bagi kat Umno sajalah," katanya.

Said juga sekali lagi memperkatakan isu minta maaf antara Rafidah kepada Tun Mahathir yang mengamatkan dewan.

"Orang Melayu ini baik... kalau dah salah minta maaf sajalah... selesai... kerana Melayu ni satu bangsa Kak Dah (Rafidah) ooi... cepat selesailah, beres semua, beres semua..." katanya.

Mengenai Proton, Rafidah sekali lagi dipersoalkan apabila kerajaan memberi terlalu banyak status kereta nasional.

"Kita dah bagi terlampau banyak status kereta nasional, dah nak tarik balik tak boleh dah, jadi hari ini proton bukan lagi jadi kereta nasional, tetapi sebaliknya kita akan jadinya sebagai kereta Glokal" katanya.

Beliau juga mempersoal mengenai kemasukan kereta-kereta import ke negara ini selain pertandingan antara Proton dengan kereta-kereta dari Korea, Jepun dan Thailand yang masing-masing telah menceburi industri itu lebih 50 dan 100 tahun lepas.

"Kalau dia pakai Afta... kitapun pakai Afta juga, kalau WTO, WTO tu

la.. Di Korea hanya 2.5 peratus sahaja kereta import dibenarkan di bawa masuk manakala 5 peratus di Jepun... yang duk buka-buka (kebenaran membawa masuk kereta import) itu pasal apa," katanya.

Beliau juga meminta kerajaan lebih serius mengenai dasar kereta negara dalam usaha memberi peluang yang lebih terhadap orang Melayu menceburi bidang sokongan (vendor) industri itu.

Soal penjenamaan semula Telekom Malaysia dengan nama baru TM juga mendapat perhatian daripada wakil Melaka itu yang kurang senang dengan nama baru syarikat terbabit kerana tidak melambangkan semangat ke Malaysiaan.

Said turut meminta kerajaan menubuhkan kampus perubatan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) bagi melahirkan lebih ramai doktor di kalangan anak Melayu.

-- BERNAMA
NER AFY LAT